

18/03/2005

Seri Paduka rai pelumba FI

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid menghadiri jamuan malam Petronas Malaysian Grand Prix Ice Gala 2005, di sini malam tadi.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood serta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga penasihat Petronas serta isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selain beberapa pelumba F1, pelakon Jackie Chan dan Datuk Michelle Yeoh, penyanyi antarabangsa, Carmen Electra, Black Eyed Peas serta kumpulan R&B Boyz II Men hadir bersama kira-kira 600 jemputan.

Majlis bagi meraikan permulaan perlumbaan Formula Satu (F1) di Litar Antarabangsa Sepang, esok turut menyaksikan lelongan amal barangan peribadi milik pelumba serta pasukan F1 bagi mengutip derma membantu mangsa tsunami 26 Disember lalu.

Lelongan berjaya mengumpul hampir RM500,000. Bayaran tertinggi bagi barangan peribadi ialah topi keledar pelumba David Coulthard yang ditawarkan RM50,000. Semua kutipan disalurkan kepada Yayasan Force of Nature.

(END) Source : Berita Harian